

Peranan guru menangani emosi calon SPM 2021

Oleh **Dr Siti Rahaimah Ali dan Dr Noradilah Md Nordin** - Jun 15, 2021 @ 11:07am

bhpendidikan@bh.com.my

Penulis adalah Ketua Jabatan, Jabatan Pengajian Pendidikan Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Pensyarah Kanan Pusat Sains Kemanusiaan Universiti Malaysia Pahang



PENGUMUMAN penangguhan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021 seperti yang diumumkan oleh Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin sudah dijangka.

Ia tentu saja ada kaitan dengan perkembangan semasa penularan COVID-19. Berdasarkan pengumuman yang dibuat, calon SPM 2021 akan menduduki peperiksaan pada tahun hadapan iaitu bermula Februari 2022 bagi ujian lisan dan amali Sains manakala, peperiksaan bertulis pada Mac 2022.

Penangguhan itu tentunya mencetuskan pelbagai reaksi. Hal ini disebabkan calon SPM 2021 ketika ini menggunakan format baharu berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah, berbeza dengan pelajar SPM sebelum ini.

Justeru penangguhan itu bagi sesetengah calon berkemungkinan menyebabkan emosi yang tidak stabil. Antara harapan untuk menduduki peperiksaan pada tarikh sepatutnya dan peluang untuk lebih lama mengulang kaji pelajaran, emosi pelajar boleh diduga bercampur-campur tentunya.

Namun, emosi yang tidak stabil ini bersifat sementara kerana pelajar perlu lekas melakukan penyesuaian dengan norma baharu dalam landskap pendidikan luar kawalan dan sangat mencabar ini.

Emosi seperti tertekan, risau dan marah akan timbul khususnya kepada pelajar yang sudah membuat persediaan rapi untuk menduduki peperiksaan itu.

Walau bagaimanapun, terdapat golongan pelajar yang merasa lega berikutan pengumuman peperiksaan tahun ini ditangguhkan kepada tahun hadapan. Hal ini dipengaruhi kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) yang diikuti ketika ini dilihat kurang berkesan dan mengharapakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka akan kembali dimulakan.

Dari satu segi, pengumuman penangguhan itu disambut baik susulan ia memberi ruang kepada pelajar untuk memperbaiki kekurangan tahun lalu dan melakukan penambahbaikan dengan pelbagai pendekatan yang terbaik bagi melancarkan PdPR kali ini.

Dalam hal ini guru bukan sahaja menyampaikan ilmu pengetahuan tetapi ia perlu digabungkan dengan kemahiran dan sikap. Ini kerana, pengalaman pelajar menghadapi PdPR tidak sama. Ada yang berhadapan dengan masalah gajet, liputan internet tidak memuaskan selain ada yang perlu melawan cabaran persekitaran tidak selesa atau sikap ibu bapa yang tidak banyak menyumbang kepada perkembangan pelajaran anak.

Semua faktor ini sebenarnya menjadi penyebab kepada masalah tekanan bagi sesetengah pelajar. Ia kemudiannya mempengaruhi 'mood' untuk belajar dan emosi.

Misalnya, ada kes pelajar yang perlu menunggu hingga tengah malam untuk menyemak nota dan latihan disebabkan capaian internet hanya akan menjadi lebih stabil pada waktu itu atau perlu meredah belantara naik ke tempat tinggi semata-mata untuk mendapatkan liputan yang lebih baik.

Satu lagi yang menjadi kebimbangan calon peperiksaan awam seperti SPM dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) adalah kaedah penilaian yang akan digunakan sebagai syarat kemasukan ke universiti awam (UA).

Mereka tertanya-tanya dalam keadaan pembelajaran semasa dan ketidakmampuan pelajar mengikuti PdPR disebabkan masalah peranti dan internet, adakah mereka masih berpeluang untuk bersaing dengan rakan lain yang lebih bernasib baik.

Adakah semua perkara ini akan menyebabkan syarat kemasukan ke UA akan dilonggarkan. Persoalan seperti itu secara tidak langsung memberi tekanan kepada sesetengah pelajar. Tentu saja pemikiran sebegitu akan memberi kesan secara langsung atau tidak langsung kepada perasaan, kepercayaan dan pemikiran mereka.

Di sinilah guru perlu berperanan membentuk sikap positif pelajar. Dalam menjayakan PdPR, sikap positif begini yang perlu ditonjolkan kerana ia akan mempengaruhi emosi pelajar. Apapun, tentu sahaja pengumuman yang dibuat KPM itu sudah mengambil kira pelbagai perkara berdasarkan pengalaman mereka menguruskan SPM tahun lalu.

Justeru, seharusnya kita sama ada sebagai pelajar atau ibu bapa perlu lebih berfikiran terbuka, berfikir secara rasional dan menyeluruh terutamanya kesan kesihatan jangka panjang dalam suasana negara kini masih berperang dengan COVID-19.